

08/10/1999

Manifesto pilihan raya BN sedang dirangka

KUALA LUMPUR, Khamis - Manifesto Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya umum akan datang, sedang disiapkan oleh Jawatankuasa Pengurusannya yang diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Draf manifesto ini sedang dalam proses. Saya tidak boleh beritahu apa temanya," kata Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat dengan Setiausaha-Setiausaha BN negeri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri mungkin mengumumkan manifesto itu pada masa yang sesuai nanti.

Dr Mahathir pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis perhimpunan bersama rakyat di Stadium Mini Nadi Kota, di Bandar Jengka pada 7 September lalu berkata manifesto BN bagi pilihan raya umum akan datang memberi penekanan kepada keharmonian hidup antara kaum di negara ini dengan memastikan tidak timbul sebarang ketegangan sesama mereka.

Mengenai mesyuarat itu, Mohamed berkata, ia membincangkan tiga perkara iaitu perayaan ulang tahun ke-25 BN, acara perhimpunan veteran BN dan persiapan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Katanya, persiapan jentera BN di semua peringkat bagi menghadapi pilihan raya itu berada pada tahap paling tinggi dengan semua pihak yang terbabit sudah bersiap sedia.

"Matlamat kita adalah memperolehi kemenangan seberapa banyak kerusi yang dipertandingkan.

"Kekuatan jentera ini penting dan kita berpuas hati dengan persediaan yang dibuat di semua peringkat setakat ini," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan laporan yang diterima, sokongan rakyat di seluruh negara kepada kerajaan dan BN termasuk di Kelantan semakin meningkat dari sehari ke sehari.

"Kita semakin yakin dan kita percaya kita boleh mencapai sasaran maksimum kerusi yang dipertandingkan dalam pilihan raya akan datang. Jentera BN juga aktif bergerak untuk memberi penerangan terhadap isu yang dibangkit dan dimanipulasikan pembangkang.

"Hasilnya kita dapati sokongan rakyat semakin bertambah di semua peringkat. Ini termasuk Kelantan dan BN yakin merampas semula kerajaan negeri itu daripada Pas," katanya.

Mohamed berkata, jentera pilihan raya Umno di Kelantan di bawah pimpinan Pengerusi Perhubungan Umnonya, Tengku Razaleigh Hamzah, didapati berjaya dan tidak mustahil untuk BN menawan kembali pemerintahan negeri itu.

Mengenai perhimpunan veteran BN, beliau berkata kira-kira 3,000 pemimpin veteran dijangka menghadirinya di PWTC tetapi tarikh perjumpaan itu belum ditetapkan lagi.

"Kita rasa perhimpunan ini perlu kerana BN tidak melupakan jasa pemimpin veterannya. Sebenarnya, golongan veteran ini masih berperanan untuk memberi sumbangan kepada parti dan kerajaan.

"Kita sudah mengarahkan Setiausaha BN negeri untuk mengenal pasti tokoh veteran di negeri masing-masing bagi menghadiri perhimpunan itu nanti," katanya.

Selain itu katanya, perayaan ulang tahun ke-25 penubuhan BN akan turut diraikan di setiap negeri selain di ibu negara tetapi tarikh sambutan akan ditetapkan oleh Dr Mahathir.

(END)

